

Headline	Rayu PM selesai isu		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	27 Feb 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	P6	ArticleSize	691 cm ²
AdValue	RM 3,801	PR Value	RM 11,402



Rayu PM selesai isu

Pekerja ladang dibelenggu masalah tiada rumah selepas bersara

SELENDANG – “Kami mahu PM (Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak) datang dan bantu selesaikan masalah yang kami hadapi.”

Itu harapan yang disuarakan kira-kira 111 pekerja Ladang Fel-da Plantation Selendang 3 dan 4, di sini, yang berdepan masalah ketiadaan rumah selepas bersara.

Ramai dalam kalangan pekerja ladang bimbang hilang tempat tinggal jika bersara kerana kuarters yang didiami mereka itu berstatus sementara selagi mereka berkhidmat dengan Fel-da Plantation.

Pekerja ladang berharap masalah itu dapat ditangani perdana menteri bagi memastikan mereka mempunyai rumah kediaman sendiri seperti mana dalam surat permohonan yang dikemukakan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Rompin.

Selesai masalah sebelum pilihan raya

PENDUDUK, Che Piah Man, 43, berkata, penduduk sudah memohon tapak kediaman sejak 1995 lagi, namun hingga sekarang perkara itu masih belum diluluskan pihak berwajib.

“Kami sebagai penyokong tetap kerajaan berharap supaya PM campur tangan dan meluluskan permohonan yang kami kemukakan kepada pihak

berwajib,” katanya.

Che Piah berkata, jika permohonan diluluskan, penduduk mahu terus menetap di situ, kerana terdapat prasarana asas yang mencukupi seperti sekolah, surau dan kemudahan lain.

Selain itu, katanya, penduduk berdepan masalah sekiranya pekerja ladang meninggal dunia kerana keluarga pekerja tersebut terpaksa mencari rumah lain dan berpindah dari kuarters tersebut.

“Masa depan kami tidak menentu selagi kerajaan tidak meluluskan permohonan tapak rumah untuk didiami dan kami berharap agar ia dapat diselesaikan sebelum pilihan raya umum kali ini,” katanya.

Abu Yazid Malib, 56, berkata, dia sepatutnya pencen pada 20 Oktober tahun lalu namun terpaksa menyambung setahun lagi perkhidmatannya bagi memastikan mereka sekeluarga terus menetap di situ.

Menurutnya, syarat utama untuk menduduki kuarters itu mestilah mereka yang bekerja dengan Fel-da Plantation.

“Saya tiada pilihan, metatkan menyambung tempoh perkhidmatan setahun lagi bagi memastikan kami terus menduduki rumah ini kerana tidak mempunyai kediaman lain,” katanya.

Abd Yazid berkata, dia mempunyai lima anak dan kesemua

mereka masih belajar termasuk seorang anaknya yang melanjutkan pengajian di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok Kedah.

“Gaji asas saya hanya RM1,200 sebulan, manalah mampu saya buat pinjaman rumah, malah anak-anak saya memerlukan perbelanjaan kerana masih bersekolah,” katanya.

Lanjut tempoh perkhidmatan

MUSA Ahmadi, 56, berkata, kesemua pekerja ladang tempatan Fel-da Selendang 3 dan 4 sudah membuat permohonan berkelompok sebanyak 0.1 hektar setiap seorang di kawasan

tanah kuarters tersebut.

Menurutnya, kuarters itu sebelum ini adalah kepunyaan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Dara) sebelum ia dibubarkan, manakala tanah tersebut adalah milik penuh kerajaan negeri.

“Kita rayu kerajaan supaya penduduk dapat terus menetap di kawasan ini kerana tanah dan kuarters sedia ada adalah milik kerajaan,” katanya.

Musa berkata, dia bersama isteri dan empat anak mungkin tidak mempunyai tempat berteduh sekiranya sudah tidak lagi berkhidmat dalam syarikat perladangan tersebut.

Headline	Rayu PM selesai isu		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	27 Feb 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	P6	ArticleSize	691 cm ²
AdValue	RM 3,801	PR Value	RM 11,402

"Masa depan saya kabur jika tidak bekerja di sini lagi. Kesemua anak-anak membesar hasil keringat saya sebagai pekerja ladang," katanya.

Katanya, dia yang sudah bekerja sejak 18 tahun lalu bersara pada 17 Jun 2012, namun disebabkan masalah perumahan, dia terpaksa menyambung setahun lagi tempoh perkhidmatannya.

"Selagi ada kudrat, saya akan terus bekerja kerana kalau berhenti mana kami mahu cari tempat tinggal? Sekarang ini sewa rumah pun mahal, apatah lagi jika mahu membeli rumah sendiri," katanya.

Mat Aishah Mt Alim, 56, berkata, keperluan rumah amat mendesak bagi pekerja tempatan kerana mereka tidak berpendapatan tinggi, sebaliknya hanya cukup bagi menampung keperluan keluarga.

Malah, katanya, empat anaknya masih bersekolah dan seorang daripadanya melanjutkan pelajaran di peringkat asasi di Kolej Matrikulasi Tangkak, Johor.

"Sekurang-kurangnya lebih RM500 dibelanjakan untuk perbelanjaan persekolahan anak-anak. Hendak sewa rumah memang tak mampu melainkan kerajaan meluluskan permohonan yang dibuat sebelum ini," katanya.

Kasid Miskam, 58, berkata, permohonan memiliki tanah perumahan itu turut disokong Adun Tioman, Datuk Kapten (B) Mohd Johari Hussain dan Pegawai Khas Kanan Ahli Parlimen Rompin, Datuk Mashruddin Jarkasi.

"Kedua-dua pemimpin ini juga telah membuat surat sokongan kepada pihak berwajib agar masalah kami diberi perhatian, namun sehingga kini, masih belum ada jawapan daripada pihak berwajib berhubung status permohonan tersebut," katanya.

Katanya, penduduk bimbang masa depan pekerja ladang yang sudah bersara tiada pembelaan sewajarnya, sedangkan mereka adalah pekerja tempatan yang berkhidmat dalam sektor perladangan.

Headline	Rayu PM selesai isu		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	27 Feb 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	P6	ArticleSize	691 cm ²
AdValue	RM 3,801	PR Value	RM 11,402



Sebilangan pekerja menunjukkan pelan tanah perumahan yang dimohon kepada pihak berwajib.



Pekerja ladang bimbang hilang tempat tinggal jika bersara kerana kuarters yang didiami mereka itu berstatus sementara selagi mereka berkhidmat dengan Felda Plantation.



Sebilangan penduduk memyuarakan harapan supaya perdana menteri campur tangan atasi masalah yang dihadapi pekerja ladang.